

29 JUL 2001

Musa-Meritokrasi

LIHAT SISTEM MERITOKRASI SECARA POSITIF, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Cadangan kerajaan untuk melaksanakan sistem meritokrasi untuk memilih pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu dilihat secara positif, kata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata sistem meritokrasi yang memilih pelajar berdasarkan prestasi akademik dan bukannya kerana kuota bertujuan supaya pelajar Melayu lebih prihatin untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

"Masyarakat termasuk badan politik Melayu perlu melihat perkara ini dari segi positif, kita jangan anggap tiap-tiap cadangan hanya negatif, itu adalah perangai yang perlu kita kikis," katanya kepada pemberita pada sambutan Hari Keluarga Kementerian Pendidikan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di sini hari ini.

Jumaat lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah membabitkan pelajar Melayu termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke IPTA.

Musa berkata, dasar meritokrasi itu mungkin perlu dilaksanakan bagi menyedarkan pelajar Melayu supaya tidak mensia-siakan peluang pendidikan yang diberi oleh kerajaan.

Katanya sistem kuota diperkenalkan dengan persetujuan semua kaum tetapi segelintir pihak telah tidak menghargai peluang ini.

"Bukan mudah untuk mendapat persetujuan itu. Oleh kerana itu kita tidak harus sia-siakan kerana orang akan menuntut perkara ini dihapuskan jika peluang itu tidak digunakan sebaik-baiknya," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan ada pihak akan mempolitikkan cadangan melaksanakan dasar meritokrasi itu, beliau berkata: "Itu biasa, bila kita hendak perbaiki keadaan, hendak menyedarkan masyarakat kita terhadap kewajipan dan tanggungjawab mereka, akan ada orang mempolitikkan perkara ini menjadikannya negatif," katanya.

Musa berkata, syarat yang memerlukan pelajar mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian dengan kerajaan untuk memasuki universiti perlu dilakukan pada masa sekarang ketika pelajar banyak terbabit dengan aktiviti selain akademik.

"Mereka ini (pelajar) perlu diberi peringatan yang lebih daripada lafaz ikrar tetapi dalam bentuk janji bertulis," katanya.

-- BERNAMA

RZS DC MAI